

04 OCT 2001

PESERTA SIDANG OIC LAWAT DESTINASI PELANCONGAN NEGARA

KUALA LUMPUR, 4 Okt (Bernama) -- Peserta Persidangan Menteri Pelancongan Negara Islam yang bermula pada 10 Okt akan berpeluang melawat beberapa destinasi pelancongan negara sebagai sebahagian daripada program persidangan itu.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir berkata Kementerian itu akan menganjurkan dua pekej lawatan sebelum persidangan dan satu pekej selepas persidangan untuk menteri dan pegawai kanan dari negara peserta.

Program itu dianjurkan sebagai sebahagian daripada usaha kerajaan untuk menarik lebih banyak pelancong dari negara Islam lain, kata Abdul Kadir dalam temuramah dengan Bernama baru-baru ini.

Pekej lawatan sebelum persidangan ialah lawatan ke destinasi pelancongan di Kuala Lumpur dan yang satu lagi ke Putrajaya.

Bagi lawatan selepas persidangan, Abdul Kadir berkata peserta akan dibawa ke destinasi seperti Langkawi, Pulau Pinang dan Melaka Bandar Raya Bersejarah.

Persidangan itu akan berlangsung selama lima hari di Palace of the Golden Horses, di sini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka membuka persidangan itu pada 12 Okt.

-- BERNAMA

NM AHH NMO